



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PAHANG**

Tingkat 1&5, Wisma Persekutuan
25594 KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR
MALAYSIA

Tel : 609-591 5000

Faks : 609-516 4931

Laman Web : <http://www.anm.gov.my/index.php/utama-pahang>

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : ANM.PHG.600-15/3/7 Jld.5 (07)

Tarikh : 06 Januari 2025

**Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
Di Bawah Seliaan JANM Negeri Pahang**

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**KELULUSAN KHAS BAYARAN ARAHAN PERBENDAHARAAN AP58(a) BAGI
PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2024**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan surat Kementerian Kewangan rujukan MOF.NBO(S)600-9/1/297 JLD.2(47) bertarikh 24 Disember 2024 adalah berkaitan.

2. Sebagaimana surat daripada Kementerian Kewangan rujukan MOF.100-21/14/7 JLD.4(6) bertarikh 5 Disember 2024, tarikh akhir bayaran Akaun Kerajaan Persekutuan Tahun 2024 ditetapkan pada **8 Disember 2024** dan semua pembayaran yang tidak dapat diselesaikan dalam tempoh tersebut akan dibayar di bawah kelulusan AP58(a).

3. Berdasarkan peraturan kewangan semasa, Kementerian/Jabatan hanya dibenarkan memproses bayaran AP58(a) selepas Akaun Kerajaan Persekutuan tahun berkenaan dimuktamadkan. Sehubungan itu, bagi memudahkan proses bayaran AP58(a) Tahun 2024, Kementerian Kewangan bersetuju :

- (i) Membenarkan Kementerian membuat pembayaran bagi bayaran **gaji Mystep, elaun lebih masa, dan tuntutan perjalanan bulan Disember 2024** menggunakan kelulusan di bawah AP58(a) **tanpa perlu menunggu Akaun Kerajaan Persekutuan Tahun 2024 dimuktamadkan** (dibaca bersama **Senario Pembayaran seperti di Lampiran C4 SPANM Bil.5/2023**). Walau bagaimanapun, sekiranya peruntukan di bawah aktiviti tersebut tidak mencukupi, PTJ perlu memohon kelulusan AP58(a) kepada MOF melalui BRO Kementerian masing-masing; dan
- (ii) Semua pembayaran AP58(a) selain daripada item perbelanjaan di bawah perenggan 3 (i), Kementerian boleh menggunakan baki akhir dalam vot seliaan masing-masing untuk mendapatkan kelulusan AP58(a) tertakluk kepada tatacara kewangan semasa hendaklah diselesaikan sebelum atau pada 30 April 2025. Kelulusan AP58(a) **selain daripada gaji Mystep, elaun lebih masa dan tuntutan perjalanan bulan Disember 2024**, hendaklah berdasarkan Akaun Kerajaan Persekutuan Tahun 2024 yang dimuktamadkan.

4. Justeru, kerjasama pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan dimohon untuk mengemukakan permohonan pembayaran AP58(a) tertakluk kepada syarat-syarat seperti di Perenggan 3 (i) dan (ii) dan pembayaran diselesaikan selewat-lewatnya **30 April 2025**. Sebarang pembayaran **selepas tarikh tersebut hendaklah mendapatkan kelulusan Kementerian Kewangan terlebih dahulu.**

5. PTJ juga hendaklah memastikan **Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil.5/2023 (Lampiran C : Garis Panduan Tatacara Pengurusan Bayaran Di Bawah AP58(a) Pembayaran Yang Memerlukan Kebenaran Khas)** telah dipatuhi sebelum mengemukakan permohonan kelulusan pembayaran AP58(a) ke JANM Negeri Pahang bagi mengelakkan dikiuri.

6. Perhatian dan komitmen pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah diharapkan agar proses pembayaran AP58(a) dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan serta mematuhi tatacara kewangan semasa yang berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"

Saya yang menjalankan amanah,



(FREDRICK GUPONG ANAK TAWAN C.A. (M), ACMA, CGMA)

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Pahang